

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 29 Oktober 2020 8:02 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Keempat Terbaik Malaysia Dalam THE World University Rankings By Subject 2021



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 OKTOBER 2020 / 12 RABIULAWAL 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

UUM KEEMPAT TERBAIK MALAYSIA DALAM THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY SUBJECT 2021



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus mengungguli universiti penyelidikan (RU) lain apabila subjek utama universiti, *Business and Economics* telah melonjak di tangga 251-300 terbaik dunia dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject 2021 yang diumumkan semalam.

Subjek *Business and Economics* telah disenaraikan dalam THE World University Rankings by Subject selama dua tahun berturut dengan kedudukan 401-500 bagi tahun 2019 dan 2020.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, "Alhamdulillah, dengan ranking terkini yang diumumkan itu, UUM berjaya menyaingi dua RU di Malaysia iaitu Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan berada di tangga keempat dalam Malaysia bagi subjek tersebut".

Menurutnya, pencapaian ini mencerminkan kekuatan UUM dalam subjek *Business and Economics*, meskipun UUM merupakan universiti pengurusan.

Katanya, ini adalah satu pencapaian yang hebat hasil kerja keras semua warga universiti bagi memartabatkan UUM di peringkat antarabangsa seiring dengan tagline 'We Are Global'.

"Saya berharap kejayaan ini dapat dikekalkan agar UUM terus melangkah ke hadapan, seterusnya berada sebaris dengan RU lain," katanya.

Selain subjek *Business and Economics*, empat lagi subjek utama universiti turut melonjak naik iaitu *Computer Sciences*, *Education*, *Physical Sciences* dan *Social Sciences*.

Subjek *Computer Sciences* berada di kedudukan 701-800, *Education* (301-400), *Physical Sciences* (601-800) dan *Social Sciences* (401-500).

Pada THE World University Rankings by Subject 2020, subjek *Computer Sciences* berada di tangga 601+, *Education* (401+), *Physical Sciences* (801+) dan *Social Sciences* (501-600).

Times Higher Education World University Rankings by Subject menggunakan 13 indikator yang dikategorikan dalam lima kategori utama iaitu *Teaching: the learning environment*; *Research: volume, income and reputation*; *Citations: research influence*; *International outlook: staff, students and research* dan *Industry income: innovation*. Pemberat bagi setiap subjek berkemungkinan berbeza antara satu dengan yang lain.

Keputusan penuh boleh dilihat menerusi portal <https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings/by-subject>



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.